





PERSPEKTIF

WAN FATIMAH SOLIHAH

“**S**etiap kelewatan membawa kepada satu lagi pengebumian,” kata Dr. Muneer al-Boursh, seorang pegawai kanan di Kementerian Kesihatan Gaza.

Kenyataan ini menggambarkan hakikat yang amat perit bahawa setiap minit yang berlalu tanpa bantuan, tanpa henti tembakan, tanpa tindakan dunia, menyumbang kepada kematian yang boleh dielakkan. Keperluan terhadap gencatan senjata menyeluruh dan laluan bantuan yang konsisten kini bukan lagi pilihan, tetapi ia satu kewajipan kemanusiaan.

Gaza, tanah kecil yang tersepit di antara dinding konflik, kini berdepan musuh paling kejam iaitu kelaparan. Ini bukan sekadar perang senjata. Ini adalah pengepungan makanan. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 2.1 juta penduduk Gaza menghadapi kekurangan makanan mengancam nyawa, dengan lebih 90 peratus dalam keadaan kekurangan makanan amat kritikal. Sekurang-kurangnya 21 kanak-kanak di bawah usia lima tahun meninggal dunia akibat kekurangan zat makanan dan kebuluran hanya dalam beberapa hari terakhir pada bulan ini. Peningkatan kematian ini telah mewujudkan satu kategori syuhada baharu yang dikenali sebagai ‘Syahidul Rahmah’, iaitu mereka yang meninggal kerana kebuluran dan kelaparan. Khususnya di kalangan yang sakit dan tidak berdaya.

Apa yang sedang berlaku di Gaza bukan sahaja kezaliman fizikal, tetapi juga manipulasi wacana. Ketika tubuh mereka dihancurkan, suara mereka juga dibungkam melalui naratif antarabangsa yang dicipta dengan cermat. Dalam kajian bahasa moden, khususnya melalui lensa Systemic Functional Linguistics (SFL) yang diasaskan oleh Halliday, bahasa bukan sahaja alat komunikasi, tetapi mencerminkan kuasa, ideologi, dan struktur sosial. Naratif seperti ‘kerosakan sampingan’, ‘pertahanan diri’, atau ‘sasaran militan’ sebenarnya membawakan fangsai idea, ia menggambarkan dunia dari sudut kuasa, bukannya dari sudut kemanusiaan.

Dalam konteks Gaza, fungsi interpersonal bahasa digunakan untuk mewujudkan jarak di mana rakyat Palestin tidak dilihat sebagai mangsa, tetapi sebagai ancaman. Bahkan kanak-kanak yang terbunuh dikaburkan identitinya sebagai ‘mangsa sampingan’ tanpa nama. Di sinilah bahasa menjadi senjata yang menyakitkan, ia menjadikan penderitaan tidak wujud dalam kesedaran global.

Namun, bahasa juga punya kekuatan menyatukan. Kajian linguistik menunjukkan bahawa metafora belas kasihan seperti ‘anak-anak yang dikhianati senia’ atau ‘perut kosong yang mengetuk nurani’ dapat membentuk empati dan tindakan. Ketika masyarakat mula menyebut dengan istilah yang lebih manusiawi, maka naratif dunia juga boleh berubah. Empati bukan terpetus dari data

semata, tetapi dari bagaimana penderitaan itu diceritakan.

Sehingga Jun 2024, menurut analisis Integrated Food Security Phase Classification (IPC) bersama World Food Programme (WFP) dan agensi PBB, hampir 96 peratus daripada 2.1 juta penduduk Gaza berada dalam keadaan ketidakamanan makanan akut. Lebih 495,000 orang kini berada dalam kategori IPC Tahap 5 (Catastrophic), iaitu tahap kelaparan paling kritikal dalam klasifikasi kemanusiaan global. WHO pula melaporkan sebanyak 74 kematian akibat malnutrisi pada Julai 2025, termasuk 63 kanak-kanak di bawah lima tahun. UNICEF pula menyatakan hampir 66,000 kanak-kanak di Gaza mengalami malnutrisi teruk pada Mei 2025.

Wacana ini membuka ke ruang digital dan dibaca oleh berjuta. Tanpa kita sedari, kita menjadi pengguna bahasa yang pasif, membaca tanpa bertanya, berkongsi tanpa memahami. Di sinilah letaknya tanggungjawab kita. Sebagai manusia yang punya kesedaran, kita perlu memecahkan dominasi wacana yang tidak adil. Media sosial bukan sekadar tempat hiburan, tetapi medan perlawanan untuk menyatakan yang benar.

Ikhtiar luar biasa

Di seberang benua, rakyat Mesir dan Tunisia telah menunjukkan ikhtiar luar biasa apabila mereka menghanyutkan botol-botol berisi makanan ke perairan Gaza. Ada di antaranya yang berjaya sampai ke pantai Gaza, satu simbol harapan dan solidariti rakyat biasa yang tidak mahu berdiam diri. Kita di Malaysia mungkin tidak bersempadan dengan Palestin, dan tidak mampu menghantar bantuan secara fizikal seperti mereka. Namun, kita punya senjata lain iaitu media sosial. Setiap hantaran, ciapan, dan perkongsian boleh menyentuh hati, mengubah pandangan, dan membentuk solidariti massa.

Bayangkan jika seorang selebriti atau figura media sosial dengan 3 juta pengikut memuat naik sekeping gambar seorang bayi Gaza yang kelaparan, itu bukan hanya gambar, itu adalah intervensi wacana bersifat multimodal. Imej visual yang menyayat hati, disandingkan dengan kapsyen yang sarat emosi, susun atur grafik yang tertumpu pada wajah bayi, serta penggunaan warna kelabu dan merah untuk membangkitkan suasana murung dan darurat, semuanya bergabung menjadi satu bentuk komunikasi yang mampu mengubah persepsi, mencetus empati, dan memobilisasi tindakan.

NGO boleh berperanan bukan sekadar mengutip derma, tetapi mendidik masyarakat dengan naratif yang betul. Tokoh agama boleh mengingatkan umat bahawa pembelaan terhadap yang dizalimi adalah sebahagian daripada iman. Pelajar boleh menghasilkan poster, video pendek, dan esei yang membentuk arus pemikiran rakan sebaya. Setiap satu usaha, walaupun kecil, adalah sebahagian

Lakukan ini demi Gaza



Lebih 495,000 orang kini berada dalam kategori IPC Tahap 5 iaitu tahap kelaparan paling kritikal dalam klasifikasi kemanusiaan global.

dari naratif besar untuk menolak kezaliman. Dalam hal ini, kita wajar menghayati sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Sa’id al-Khudri dalam Sahih Muslim:

“*Barang siapa di antara kalian melihat kemunggaran, hendaklah ia mengubah dengan tangannya; jika tidak mampu, maka dengan lisannya; dan jika tidak mampu juga, maka dengan hatinya. Dan itu adalah Selemah-lemah iman.*” (Hadis riwayat Muslim, no. 49)

Hadis ini membuktikan bahawa setiap lapisan masyarakat tanpa mengira latar tetap mempunyai peranan. Jika kita tidak mampu mengangkat senjata atau menyalurkan bantuan besar-besaran, sekurang-kurangnya kita masih mampu bersuara, menulis, dan mendidik. Diam bukanlah pilihan bagi orang yang beriman.

Saya teringat pemikiran intelektual Muslim yang sering diketepikan oleh Dr. Khairudin Aljunied, sosok ilmuwan yang saya temui dalam satu Program Pemimpin Muda anjuran Kementerian Pengajian Tinggi di AKEPT baru-baru ini. Dalam bukunya *Muslim Cosmopolitanism* (2017), beliau menekankan bahawa:

“Kewargan intelek Muslim di Asia Tenggara harus mengambil pendekatan yang kritis terhadap wacana global untuk mentransformasikan masyarakat.”

(Adaptasi daripada konsep ‘Cosmopolitan Muslim’ dalam *Muslim Cosmopolitanism*, 2017).

Pemikiran ini menjadi peringatan yang mendalam, bahawa peranan intelektual bukan hanya terhenti dalam ruang kuliah dan makalah, tetapi harus menembusi sempadan diam dan ketakutan, dengan menyuarakan kebenaran walau dalam bentuk yang paling kecil. Dalam konteks Gaza hari ini, tulisan dan wacana bukan sekadar ekspresi, tetapi bentuk

solidariti dan tanggungjawab moral. Jika kita tidak mampu ke Gaza, sekurang-kurangnya kita jangan diam. Akan ada yang mempersoalkan, adakah tulisan kita benar-benar mampu menghentikan kezaliman? Barangkali tidak dalam sekejap mata, dan mungkin juga tidak secara langsung. Namun dalam kerangka tanggungjawab kolektif, setiap suara yang jujur menyumbang kepada gelombang kesedaran. Satu tulisan mungkin tidak mengubah dunia, tetapi ribuan yang bersatu boleh membuka mata, menggugat keangkuhan, dan perlahan-lahan memecahkan kebisuan. Ini bukan semata soal menang atau kalah, tetapi soal untuk tidak berpaling dari kemanusiaan.

Kita telah melihat bagaimana tekanan penulisan global, media sosial, dan surat terbuka ilmuan dunia telah mempengaruhi perubahan dalam sejarah moden. Salah satu contoh nyata ialah gerakan Boycott, Divestment and Sanctions (BDS) terhadap rejim apartheid Afrika Selatan pada 1980-an. Penulisan, kenyataan media, artikel opini, dan tekanan intelektual daripada seluruh dunia mencetuskan isolasi antarabangsa yang akhirnya menyumbang kepada runtuhnya dasar apartheid.

Ini membuktikan bahawa pena jika digerakkan bersama boleh menjadi senjata yang menggugurkan tembok kezaliman. Maka biarlah kita menjadi sebahagian daripada gelombang itu. Kita mungkin tidak melihat hasilnya esok, tetapi sejarah akan merekodkan siapa yang bersuara dan siapa yang memilih untuk diam.

** Dr Wan Fatimah Solihah Wan Abdul Halim ialah Penceramah Kanan, Bahasa dan Komunikasi Universiti Ummu Malaysia (Kampus Kuala Lumpur) wfsolihah@uum.edu.my*